

CI-/02/2023

Sabtu, 4 Februari 2023

Wanita main peranan penting bendung gejala sosial

Kapit, 4 Feb - Golongan wanita memainkan peranan penting dalam mengawasi gerak-geri anak mereka bagi mengelakkan generasi muda tersebut terjebak dalam gejala sosial.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali berkata, peranan para wanita amatlah penting kerana antara faktor utama berlakunya masalah sosial adalah disebabkan kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak dalam ilmu agama dan moral.

"Sebagai wanita terutamanya ibu dan isteri ada peranan penting untuk sama-sama memastikan ahli keluarga kita jauh daripada melakukan aktiviti yang tidak baik seperti terlibat dengan dadah.

"Apa ertinya pembangunan jika anak-anak kita terbiar dan terlibat dengan pelbagai masalah sosial seperti kehamilan remaja dan jika boleh kita memastikan gejala tidak sihat ini dapat dikurangkan di Kapit," katanya semasa menanggungkan Siri Jelajah Lawatan dan Outreach SABERKAS dan PEMADAM kali kedua di Dewan Suarah Kapit petang tadi.

Kira-kira 150 orang wanita yang merupakan ahli SABERKAS, PEMADAM, Wanita GPS Kapit dan SIDS di sekitar Kapit telah menyertai program ini yang diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya bual bicara bersama usahawan wanita berjaya iaitu Cecelia Lagak yang juga merupakan pengasas CC Beauty serta pengusaha kain burie iaitu Drothy Mimie James.

Selain itu, aktiviti lain termasuklah ceramah kesedaran bahaya dadah dari AADK Sibu serta bengkel membuat manik tradisional dan senam tari dari Persatuan Kapit Tari.

Dalam majlis yang sama, Sharifah Hasidah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Wanita SABERKAS turut menyampaikan bantuan SABERKAS Prihatin kepada wakil murid dari beberapa sekolah iaitu SK Sungai Kapit, SK Kapit, SK Methodist, SK Sungai Amang serta SK Menuan berjumlah RM300 seorang penerima.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Wanita SABERKAS, Datin Seri Angelina Celestine Ujang, Residen Bahagian Kapit, Galong Luang, Pegawai Daerah Kapit Cerisologo Sabut serta Setiausaha Eksekutif PEMADAM Sarawak, Munawar Ismail.-TAMAT-

Disediakan Oleh : Daniel Jong (JaPen Kapit)

Foto : Mohd Saufi Omar (JaPen Kapit)

Gambar PENERANGAN menunjukkan:

Foto 1 : Sharifah Hasidah sedang menyampaikan ucapan penangguhan program

Foto 2 : Sharifah Hasidah menyampaikan cenderamata kepada usahawan wanita Cecelia Lagak

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Foto 3 : Sharifah Hasidah menyampaikan bantuan SABERKAS Prihatin kepada wakil murid

Foto 4-5 : Antara wanita yang menghadiri program tersebut

Foto 6 : Pameran dari AADK Sibu

Foto 7 : Pameran oleh usahawan kain burie

Foto 8 : Sharifah Hasidah bergambar kenangan bersama para peserta program